

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.BHG. DATO' SERI MOHAMED AZMIN
BIN ALI [GOMBAK]**

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

SOALAN :

**Y.Bhg. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta
PERDANA MENTERI menyatakan apakah sebab utama pembatalan
kerja-kerja elastomer di Projek RAPID di Pengerang, Johor oleh
PETRONAS Chemicals Group Berhad (PetChem).**

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS Chemicals Group Berhad (PCG) sebagai sebuah syarikat tersenarai awam, mempunyai kaedah penilaian projek yang telus dan sistematik. Kaedah ini digunapakai oleh industri-industri yang serupa seperti syarikat-syarikat minyak dan gas global. Mengikut kaedah penilaian projek ini, PCG telah membatalkan projek elastomer yang bernilai USD1.3 bilion (RM5.1 bilion) yang merupakan sebahagian daripada Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Johor, Malaysia. Keputusan pembatalan itu dibuat berdasarkan kajian terhadap pelbagai aspek termasuklah prospek pasaran, kos pembinaan dan pulangan pelaburan yang dibuat tidak menepati tahap minima penilaian PCG. Adalah dijangka, pembatalan projek ini mampu meningkatkan prestasi pulangan pelaburan PCG di RAPID secara keseluruhannya.

Mengikut pengumuman lalu oleh PCG kepada Bursa Malaysia, kos pelaburan awal projek untuk segmen polimer, glycol dan elastomer dianggarkan bernilai USD3.9 bilion (RM15.2 bilion) dengan kapasiti terkumpul 3.5 juta metrik tan setahun (mtpa). Walaupun pembatalan projek ini akan mengurangkan kapasiti sebanyak 0.35 juta mtpa dan kos pelaburan USD1.3 bilion (RM5.1 bilion), PCG tetap komited untuk melaksanakan projek-projek petrokimia lain yang sedang dilaksanakan iaitu polimer dan glycol. Pembatalan projek elastomer ini, yang merupakan salah satu daripada pelbagai produk daripada rangkaian kimia

tersebut, dijangka tidak menjejaskan tarikh permulaan operasi PRPC Polymers dan PRPC Glycols yang dijadualkan pada tahun 2019.

Secara keseluruhannya, perancangan pembangunan elastomer yang telah dibatalkan tersebut merupakan sebahagian kecil daripada pelaburan keseluruhan bagi Projek RAPID, yang dianggarkan kira-kira USD27 bilion.

Sekian, terima kasih.